

BRIEFING NOTES

**YBHG. DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN MD. ARIFF,
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING,
UNTUK MESYUARAT PENUH BULANAN MPT BIL 2/2019,
PADA 28 FEBRUARI 2019
JAM 9.00 PAGI DI DEWAN MESYUARAT CEMPAKA**

1. PENERIMAAN ANUGERAH KATEGORI 'BEST OF CITIES' DI ANTARA 100 DESTINASI MAMPAN 2018 OLEH GREEN DESTINATION

Seperti yang telah diumumkan pada bulan Disember tahun lalu, Taiping telah tersenarai antara 100 destinasi lestari 2018 oleh Green Destinations bagi mengiktiraf usaha pelbagai pihak dalam mewujudkan industri pelancongan yang lebih bertanggungjawab terutama bagi kelestarian alam sekitar.

Pada acara penerimaan anugerah 'Sustainable Top 100 Destination' yang bertempat di Palais am Funkturm, ITB Berlin, 6 Mac 2019 (Rabu) depan, Taiping yang tersenarai 100 destinasi lestari akan menerima anugerah kategori 'Best of Cities' beserta sijil pengiktirafan The Top 100. Semoga dengan pencapaian ini, masyarakat Taiping khususnya akan lebih berusaha menjaga kelestarian daerah ini. Pengiktirafan ini adalah kali pertama diterima daripada anugerah yang berprestij dan bertaraf dunia. Pengiktirafan tersebut adalah bagi tahun 2018 hingga 2020.

2. PEMBENTANGAN KAJIAN HENTIAN KOMUNITI (MACHINOEKI) BANDAR TAIPING DI MALAYSIA URBAN FORUM 2019 (MUF2019)

Universiti Malaya (UM) telah membentangkan kajian Hentian Komuniti (Machinoeki) Bandar Taiping, di Malaysia Urban Forum 2019 (MUF2019) bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre pada 18 Februari 2019 (Isnin).

Wakil MPT, Encik Hasmi Hasanudin dari Unit Warisan, Jabatan Perancang dan Pembangunan Bandar (JPPB) dijemput selaku panel bersama-sama lima panel yang lain iaitu Dr Nikmatul Adha Nordin, Pensyarah Kanan UM, Puan Norhanisah Ahmad, Pengarah Muzium Perak, Cik Keiko Yoshida, wakil Machinoeki Jepun, Prof Madya Jamil Ahmad, Pensyarah UM, dan Encik A. Kathirasen, Editor Free Malaysia Today.

Program Machinoeki ini adalah program kerjasama MPT dengan Fakulti Alam Bina, UM dan konsep ini diasaskan oleh penyelidik Jepun, Eiji Tanaka, pada 2002 bertujuan memulihkan pusat bandar yang kurang maju dengan mewujudkan persekitaran mesra untuk penjalan kaki dan penunggang basikal.

3. ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI COMMUNITY DAY

Program Zoo Taiping & Night Safari 'Community Day' akan berlangsung pada 1 Mac 2019 hingga 3 Mac 2019 bertempat di AEON Mall, Taiping, Perak. Terdapat beberapa pengisian yang akan dijalankan sepanjang program ini berlangsung antaranya, jualan pre-printed tiket Zoo Taiping & Night Safari, promosi pakej Zoo Taiping & Night Safari, promosi produk-produk pelancongan Taiping, Kaunter Bergerak MPT dan pelbagai lagi aktiviti menarik dijalankan sepanjang program ini berlangsung.

4. PROGRAM INSENTIF CUKAI TAKSIRAN 2019

Program tahunan bagi menghargai pembayar cukai taksiran iaitu Program Insentif Cukai Taksiran (PICT) 2019 yang akan tamat pada 28 Februari 2019 (Hari ini). Justeru itu, majlis cabutan bertuah PICT 2019 akan diadakan pada 1 Mac 2019 (Jumaat) bersama program Zoo Taiping & Night Safari Community Day bertempat di AEON, Taiping.

Pada tahun ini, pembayar cukai berpeluang memenangi cabutan bertuah yang menawarkan sebanyak 30 pelbagai hadiah yang menarik seperti motorsikal, set televisyen dan Home Theater, Peti Sejuk, Mesin Basuh, Mountain Bikes dan

lain-lain lagi. MPT memperuntukkan sebanyak RM70,000 setahun bagi menyediakan hadiah dan cenderahati kepada pemenang dan peserta PICT ini. Penyampaian hadiah bagi PICT 2019 akan diadakan pada 20 Mac 2019 (Rabu) di Penthouse, Wisma MPT.

Pada tahun ini, MPT dapat mengutip sebanyak RM9.93 juta dengan penyertaan 19,000 pemilik harta berbanding tahun lepas iaitu 15,000 penyertaan. MPT amat menghargai warga penduduk Taiping atas kerjasama ini dan mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan yang padu bagi membangun Bandar Taiping dan sekitarnya.

Walaupun bagaimanapun, kepada penduduk yang mempunyai tunggakan cukai taksiran dan masih belum melunaskan tunggakan tersebut, adalah diminta melaksanakan pembayaran dengan segera. Ini adalah kerana pasukan penguatkuasaan cukai taksiran kini dalam usaha mengesan dan akan mengambil tindakan undang-undang seperti sitaan harta alih jika didapati terdapat penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan.

5. LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MAJLIS PERBANDARAN MUAR

Seramai 19 kakitangan MPT telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Majlis Perbandaran Muar untuk melihat dan memahami kaedah yang dilaksanakan oleh MPM dalam melaksanakan aktiviti kebersihan sehingga berjaya meraih ASEAN Clean Tourist City Award 2018 - 2020. Menerusi taklimat yang disampaikan oleh YBerusaha Tuan Haji Mustafa, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar, inisiatif menjadikan bandar Muar sebagai bandar yang bersih telah dimulakan sejak tahun 2012 dengan menggunakan kaedah Problem Statement, antaranya :-

a. Problem Statement 1 ;

Kesedaran komuniti dalam soal kebersihan yang rendah;

b. Problem Statement 2 ;

Kegagalan Program 3R (Reduce, Reuse, Recycle)

c. Problem Statement 3;

Muar sebagai bandar pencen

d. Problem Statement 4;

Mutu Perkhidmatan dan penyeliaan kutipan sisa pepejal di tahap sederhana.

Kaedah lain yang digunakan oleh MPM untuk menyemarakkan usaha mendidik komuniti mengenai kebersihan ialah menerusi program Taman Ideal, iaitu MPM memilih 24 buah taman perumahan yang terletak di luar radius 3KM dari bandar Muar untuk dijadikan taman yang bersih dan sejahtera. Program ini diterajui oleh Ahli-Ahli Majlis, MPM.

Disamping itu, anggota MPT juga dibawa untuk melawat kawasan uptown berbumbung dalam bandar Muar serta beberapa lorong belakang yang telah ditransform sehingga menjadi bersih, menarik dan dijadikan kawasan mural. Muar telah menerima penganugerahan dari Malaysia Book of Record kerana menjadi PBT pertama yang menggunakan 'Augmented Reality' untuk mural.